

Pelbagai pihak kutuk perbuatan Mohd Ezam

Oleh Jamhariah Jaafar, Shamsul Azree Samshir, Hassan Ahmad, dan Azman Mahmood

27 OCT 2000

KLJALA LUMPUR, Khamis — 'Yeoo, membidas tindakan Pemimoin dan rakyat mengutuk' tindakan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohd Ezam Mohd Noor, kerana memburukkan nama pemimpin negara, khususnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di luar negara.

Rata-rata menganggap tindakan Mohd Ezam itu sebagai 'penderhaka' dan tidak menghormati keperluan rakyat untuk terus hidup dalam suasana aman dan sejahtera, bebas dari sebarang campur tangan asing.

Persatuan Kelab Penyokong Kerajaan (PKPK) menyifatkan tindakan Mohd Ezam itu sebagai sabotaj untuk merosakkan perpaduan serta kedudukan ekonomi negara.

'Yeoo, membidas tindakan Mohd Ezam yang dianggap sebagai tidak bertanggungjawab dan 'betul-betul seperti seorang penderhaka'.

Sehubungan itu, beliau mendesak semua penyokong reformasi supaya bertanya dengan ikhlas kepada diri sendiri mengenai hala tuju sebenar perjuangan mereka.

"Kita ingin tahu hala tuju kumpulan ini. Adakah perjuangan kumpulan ini benar-benar untuk menuntut perubahan atau untuk memecahbelahkan negara dan bangsa, lebih-lebih lagi bangsa Melayu.

"Pemimpin mereka seperti Mohd Ezam sepatutnya menghargai jerih perih seluruh rakyat negara ini untuk memelihara keamanan, kesejahteraan yang kita ke-

negeri dan Pengerusi MIC Perak, Datuk G Rajoo, di sini hari ini.

Di KOTA BHARU, penduduk Kelantan kecewa dengan sikap Mohd Ezam memburukkan pemimpin Malaysia di luar negara demi kepentingan politik peribadi dan menyifatkan tindakan itu sebagai menghina bangsa sendiri.

Seorang peniaga, Alwi Ali, 43, berkata tindakan Mohd Ezam itu melampaui batas dan tidak harus dimaafkan.

"Seorang anak bangsa dilahir dan dibesarkan di Malaysia tidak sepatutnya melakukan perbuatan itu semata-mata untuk memuaskan hati kerana kecewa dalam arena politik.

"Bagi saya, kita tidak perlu memberitahu dia

Presidennya, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis, berkata sebagai rakyat negara ini, Mohd Ezam sepatutnya turut berusaha meyakinkan negara luar mengenai kebaikan negara ini.

"Tetapi tindakannya bercanggah dengan perjuangan dan matlamat negara yang mahu menjadikan Malaysia makmur dan kehidupan rakyat berbilang kaum aman dan bahagia," katanya ketika ditemui di Alor Star.

Beliau berkata, jika Mohd Ezam ikhlas untuk membina penduduk dan negara, perkara itu boleh disuarakan pada persidangan Parlimen, bukan menghebohkannya di luar negara.

"Dia sepatutnya mencontohi pemimpin negara luar yang tidak mempertikaikan pemimpin mereka ketika di luar negara. Ketika berada di luar, mereka tetap juga berjuang untuk kepentingan negara mereka sendiri," katanya.

Kelmarin, Mohd Ezam dilaporkan mengaku mengadakan memburukkan pemimpin negara di Amerika Syarikat dan Eropah.

Ketika berucap di Alor Star dua hari lalu, beliau dilaporkan berkata: "Memang benar, kerja saya di Amerika Syarikat dan Eropah baru-baru ini adalah untuk menyatakan keburukan Perdana Menteri Malaysia."

Sementara itu, Ketua Wanita Umno Perak, Khamsiah

capi selama ini, bukannya terus menerus berusaha mencetus keadaan huru hara" katanya.

Beliau yang juga Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, turut mengperhatikan tindakan semua pemimpin Keadilan yang tidak segan silu mencari sokongan luar, tanpa mengambil kira perasaan rakyat yang cinta-kan keamanan.

"Sejauh mana negara lain boleh membantu mereka ini, sebaliknya tindakan itu lebih banyak mencetus perasaan tidak selesa di kalangan rakyat negara ini," katanya.

Di IPOH, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tairol Rosli Ghazali, berkata tindakan Mohd Ezam itu mengundang musibah kepada langkah kerajaan memulihkan ekonomi negara selepas kegawatan dengan rekod pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.7 peratus tahun ini.

"Seperti yang kita lihat, negara sudah pulih dari masalah kegawatan ekonomi dengan rekod pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.7 peratus tahun ini.

"Jadi kita harap, kalau nak kritik bersama rakyat Malaysia, tidak mengapa. Tetapi jika kita kritik di hadapan orang asing, mungkin pelabur tidak jadi melabur ke Malaysia selepas mendengar tohmahan yang dibuat," katanya ketika ditemui di majlis rumah terbuka Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Hal-Ehwal Pengguna

perbuatannya salah kerana dia sepatutnya menyedari sendiri. Sebaliknya, rakyat perlu bertanya apakah benar parti pembangkang mampu membela mereka jika ahli politik seperti Mohd Ezam sanggup memburukkan pemimpin sendiri di negara asing.

"Tindakan memburukkan pemimpin sendiri bererti memburukkan negara dan rakyat... ini penghinaan besar yang tidak boleh dimaafkan," katanya sambil meminta kerajaan mengenakan hukuman berat kepada penderhaka negara.

Seorang guru, Mohd Noor Jusoh, 42, berkata perbuatan pemimpin muda Keadilan itu menunjukkan mereka sanggup melihat negara hancur dan rakyat menderita untuk menjayakan cita-cita politik mereka.

"Kerajaan perlu menangani perkara ini dan tidak harus membiarkan golongan pelampau bermaharajalela kerana ia mungkin memberi kesan lebih buruk pada masa depan," katanya.

Norasmah Mohamad, 35, seorang guru, menyifatkan Mohd Ezam sebagai angkut dengan kenyataan mencabar pihak berkuasa mengambil tindakan terhadapnya.

"Perbuatan dan kenyataannya itu perlu dipandang berat dan Ezam wajar dikenakan tindakan setimpal berdasarkan undang-undang sedia ada," katanya.